




**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran MPPD, Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang ASAL** dan disahkan melalui Kad Pengenalan layak menghadiri taklimat dan lawatan ke tapak kerja (**wakil tidak dibenarkan**). Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh tutup sebut harga.
3. **Selarah dengan PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT yang berkuatkuasa, kontraktor WAJIB mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa menghadiri lawatan tapak dan berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.**
4. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD.** Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
5. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
6. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

7. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB, di bawah Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran.

Tandatangan : .....  .....

Nama Pegawai : ..... MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA .....  
Yang Dipertua

Jawatan : ..... Majlis Perbandaran Port Dickson .....

Tarikh : ..... 8 Mac 2021 .....

**LAMPIRAN**

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
MPPD SH 46/2021 RM 50.00	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Taman Rekreasi Awam, Pihak Berkuasa Tempatan Di Port Dickson	<b>G1</b>  Kategori CE  Pengkhususan CE14	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson  Tarikh: <b>15.03.2021</b>  Hingga <b>22.03.2021</b>	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson  Tarikh : <b>22.03.2021</b>  <b>*Jam 12.00 t/hari</b>

Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 15 Mac 2021 (Isnin) jam 9.00 pagi. Taklimat bermula jam 09.15 pagi

**Menghadiri taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan untuk semua Sebutharga.**

**Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-**

**ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)**

**8.30 PAGI HINGGA 1.00 PETANG**